PERJANJIAN TAJAAN KHAS KUIS (PROGRAM ASASI)
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

Setem
Hasil
RM10

PERJANJIAN INI dibuat pada …….. …….. …. ……..

DI ANTARA

Pelajar yang mana nama dan maklumat terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 2 JADUAL SATU** Perjanjian ini.

(Selepas ini disebut "PELAJAR") sebagai Pihak Pertama.

DAN

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR yang beroperasi di Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan (selepas ini disebut sebagai KUIS) sebagai Pihak Kedua.

DAN

Penjamin 1 yang mana nama dan maklumat terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 6 (a) JADUAL SATU** Perjanjian ini.

DAN

Penjamin 2 yang mana nama dan maklumat terperinci seperti yang dinyatakan di **Perkara 6 (b) JADUAL SATU** Perjanjian ini.

(Selepas ini disebut 'PENJAMIN-PENJAMIN") sebagai Pihak Ketiga.

Pihak Pertama, Pihak Kedua dan Pihak Ketiga secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Pihak Perjanjian.

Adalah MENYAKSIKAN seperti berikut:-

BAHAWASANYA PELAJAR, yang sedang mengikuti program Asasi (selepas ini dirujuk sebagai 'Program') telah memohon kepada KUIS untuk suatu tajaan bagi maksud membiayai Program yang diikuti di KUIS dan bersetuju dengan segala terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh KUIS. KUIS telah bersetuju untuk memberikan tajaan tersebut (selepas ini dirujuk sebagai 'Tajaan') dengan syarat-syarat dan terma-terma yang terkandung kemudian daripada ini.

BAHAWASANYA KUIS akan menganugerahkan Tajaan kepada pelajar KUIS yang layak tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini dan sebagai balasan kepada Tajaan oleh KUIS, Pelajar berakujanji dan berwaad serta terikat dengan obligasi yang terakru di dalam Perjanjian ini.

BAHAWASANYA Tajaan yang dianugerahkan adalah secara terperinci dijelaskan di dalam **JADUAL TIGA** Perjanjian ini.

DAN BAHAWASANYA PENJAMIN-PENJAMIN, telah bersetuju untuk menjamin pelaksanaan oleh PELAJAR terhadap kewajipan dan tanggungan-tanggungannya di bawah Perjanjian ini dan selanjutnya telah bersetuju untuk melepaskan tanggungan KUIS terhadap apa-apa jua yang mungkin ditanggungnya akibat daripada kemungkiran oleh PELAJAR terhadap perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI oleh kesemua pihak Perjanjian perkara-perkara berikut:

1. TANGGUNGJAWAB PELAJAR

PELAJAR dengan ini disyaratkan dan diwajibkan:-

a. Mengambil dan dengan bersungguh-sungguh meneruskan kursus Program atau latihan dan menduduki atau mengambil semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan di dalam Program dalam masa yang ditetapkan dalam **JADUAL SATU** Perjanjian ini atau tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh KUIS.

b. Akur dan terikat bahawa Tajaan ini akan bermula pada tarikh ia diluluskan oleh KUIS dan berakhir pada tempoh yang ditetapkan dalam **JADUAL SATU** Perjanjian ini dan hanya membiayai perbelanjaan dan kos sepertimana dinyatakan di **JADUAL TIGA** Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai 'Tajaan'), tidak termasuk yuran ulangan Program, yuran ulangan peperiksaan, yuran Program bagi tempoh yang telah melebihi Tempoh Tajaan sepertimana ditetapkan di dalam **JADUAL SATU** Perjanjian ini. Kelayakan yang ditetapkan adalah berdasarkan jadual insentif bayaran sebagaimana dinyatakan di dalam **JADUAL DUA** Perjanjian ini.

c. Memberikan komitmen dan mengambil bahagian dalam setiap aktiviti atau program yang dimestikan ke atasnya yang disediakan oleh KUIS.

d. Tidak boleh menukarkan Programnya tanpa kebenaran bertulis daripada KUIS.

e. Mengekalkan prestasi yang baik dan mencapai sekurang-kurangnya PNG sebagaimana yang dinyatakan di dalam **JADUAL DUA** Perjanjian ini bagi melayakkan dia mendapat TAJAAN pada semester berikutnya.

   Sekiranya Pelajar gagal mendapat PNG sebagaimana yang dinyatakan di dalam **JADUAL DUA** Perjanjian ini, maka Tajaan PELAJAR untuk semester tersebut akan ditarikbalik atau digantung sehingga Pelajar berjaya menaikkan kembali PNG sebagaimana yang ditetapkan. Semasa dalam tempoh penggantungan atau penarikanbalik Tajaan atas sebab di atas tanggungjawab membayar segala kos berkaitan yang dibiayai di bawah Tajaan termasuk kos-kos di luar tanggungan Tajaan adalah di bawah tanggungan PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN sendiri.

f. Tidak akan memohon atau menerima apa-apa Tajaan, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa bantuan kewangan dari pihak lain selain KUIS dengan tujuan untuk meneruskan Program di KUIS melainkan dengan kebenaran bertulis KUIS.

g. Akan patuh kepada apa-apa pekeliling, dan peraturan termasuk peraturan tatatertib yang berkuatkuasa di KUIS.

h. Tidak akan melanggar tatasusila syariah Islam atau etika yang bercanggah dengan Hukum Syara'.

i. Tidak melakukan sebarang jenayah sivil, jenayah shari'ah termasuk salahlaku tatatertib dalam apa jua cara sekalipun.

   KUIS berhak membatalkan Tajaan Pelajar dengan serta merta sekiranya terdapat sebarang sabitan berkaitan salahlaku jenayah, sivil, syariah atau salahlaku tatatertib terhadap Pelajar atau Pelajar diambil tindakan muflis dan menuntut kembali segala kos yang telah dibelanjakan di bawah Perjanjian ini sebagaimana dinyatakan di dalam **Perkara 3 JADUAL SATU** Perjanjian ini.

j. Tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh KUIS tidak selaras dengan kepentingan PELAJAR, kepentingan KUIS atau negara Malaysia dan apabila PELAJAR diberitahu oleh pihak KUIS tentang perkara yang tersebut hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya.

k. Tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan atau kumpulan orang luar tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari pihak KUIS mengikut budibicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

l. Tidak boleh menjadi ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari pihak KUIS.

m. Tidak boleh mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang atau menyedia, mencetak atau mengedarkan dengan apa-apa cara atau mengambil apa jua bahagian dalam menyedia, mencetak atau mengedarkan sesuatu dokumen atau lain-lain bahan yang mengandungi unsur-unsur penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat yang pada pendapat KUIS adalah memudaratkan kepentingan kerajaan Malaysia atau institusi pendidikan.

n. Tidak boleh membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan mana-mana kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat KUIS adalah memudaratkan kepentingan kerajaan Malaysia atau institusi pendidikan.

o. Hendaklah menyempurnakan Program dalam tempoh yang telah ditentukan atau diluluskan oleh KUIS.

p. Memastikan bahawa Pelajar tidak akan disabitkan atas apa-apa kesalahan yang boleh mengakibatkan Pelajar ditamatkan Pengajian atau dibuang Kolej. Pelajar bertanggungjawab membayar balik segala kos yang dibelanjakan di

bawah Perjanjian ini termasuk yuran yang dinyatakan di **JADUAL TIGA** Perjanjian ini sekiranya Pelajar telah dibuang Kolej atau ditamatkan Program atas sabitan kesalahan tatatertib KUIS atau mana-mana kesalahan jenayah, sivil dan syariah.

q. Akan menamatkan Program dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh KUIS iaitu paling maksima adalah **Enam (6) semester**. Sekiranya gagal, pihak KUIS berhak menamatkan Tajaan dan Program. Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin bertanggungjawab membayar balik dan segala kos yang dituntut oleh KUIS di bawah Perjanjian ini.

r. Disyaratkan dan diwajibkan menyambung atau melanjutkan pembelajaran di peringkat Sarjana Muda di KUIS sehingga sempurna atau tamat tempoh pengajian program Ijazah Sarjana Muda.

2. TAJAAN

2.1 Jumlah Tajaan adalah sepertimana yang dinyatakan di **Perkara 3 JADUAL SATU** Perjanjian ini.

2.2 Tajaan ini termasuk yuran yang dikecualikan (merangkumi Yuran Program Yuran Peperiksaan, dan Yuran Asrama) serta bayaran elaun sepertimana diperincikan di **JADUAL TIGA** Perjanjian ini .

2.3 Pembayaran bagi kos Tajaan akan dibuat melalui BIMB akaun sepertimana yang dinyatakan di **Perkara 5 JADUAL SATU** Perjanjian ini.

2.4 Insentif pembiayaan Tajaan adalah berdasarkan kelayakan yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di **JADUAL DUA** Perjanjian ini.

3. TEMPOH KUATKUASA

3.1 Tempoh Tajaan adalah sepertimana yang dinyatakan **Perkara 4 JADUAL SATU** Perjanjian ini.

3.2 Tempoh kuatkuasa Perjanjian ini adalah daripada tarikh Tajaan diluluskan sehingga tamat pengajian di Peringkat Ijazah Sarjana Muda KUIS.

4. TANGGUNGJAWAB PENJAMIN-PENJAMIN

4.1 Dua (2) orang Penjamin yang memenuhi syarat-syarat di bawah atau tambahan seorang Penjamin tertakluk kepada Klausa 4.2 (b).

4.2 Syarat-syarat Penjamin-Penjamin adalah seperti berikut:

(a) WARGANEGARA

Kedua-dua penjamin dan saksi mestilah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.

(b) HAD PENDAPATAN /UMUR

Kedua-dua atau salah seorang penjamin mestilah berpendapatan samada bekerja makan gaji@bekerja sendiri dan tidak muflis. Had umur adalah TIDAK KURANG daripada 21 tahun. Sekiranya kedua-dua Penjamin tiada pendapatan maka hendaklah kemukakan Penjamin Tambahan yang berpendapatan.

(c) HUBUNGAN DENGAN PELAJAR
Penjamin-penjamin hendaklah terdiri daripada ibubapa Pelajar atau individu yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Pelajar (termasuk bagi kes kematian ibu atau bapa).

(d) Bukan bangkrap, tiada rekod jenayah dan tiada tindakan mahkamah

(e) Waras

4.2 Adalah dipersetujui dan diakui oleh Penjamin-penjamin seperti berikut:

4.2.1 bahawa Penjamin-penjamin memahami kesan dan liabiliti sebagai Penjamin dan bersetuju bersesama dan berasingan untuk bertanggungjawab terhadap pelaksanaan segala terma-terma dan syarat-syarat oleh Pelajar yang terkandung dalam Perjanjian ini dan selanjutnya untuk menanggungrugi KUIS terhadap segala liabiliti-liabiliti kerugian kehilangan kos perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh KUIS berikutan kemungkiran Pelajar dalam Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.

4.2.2 bahawa jika pada bila-bila masa berkuatkuasanya Perjanjian ini salah seorang atau kedua-dua orang Penjamin-penjamin**:-**

(a) Meninggal dunia; atau
(b) Gila atau tidak waras; atau
(c) Tidak lagi menetap di Malaysia; atau
(d) Berada di luar Malaysia untuk satu tempoh lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut; atau
(e) Akan diadjudikasi menjadi muflis atau bankrap; atau
(f) Apa-apa keadaan yang mengugurkan kelayakan sebagai penjamin

Pelajar atau seseorang daripada Penjamin-penjamin yang masih ada hendaklah dalam tempoh tidak melebihi **Tiga Puluh (30) hari** daripada tarikh berlakunya keadaan-keadaan di atas (yang mana terawal) bagi mendapatkan seorang atau orang-orang mengikut mana yang berkenaan, yang sedia dan bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian ini selaku Penjamin-penjamin untuk menggantikan tempat Penjamin-penjamin yang perlu digantikan tersebut (selepas ini dirujuk sebagai "**Penjamin-penjamin Gantian**") dan memaklumkan kepada pihak KUIS untuk tindakan lanjut dan disetuju terima oleh KUIS sebagai pengganti.

4.2.3 Sekiranya berlaku perkara seperti di bawah:-

(a) Jika Pelajar dan/ atau Penjamin-penjamin yang masih ada enggan dan/ atau gagal dalam masa yang ditetapkan untuk mendapatkan penjamin gantian; atau

(b) Jika Penjamin-penjamin Gantian tidak sedia dan/ atau tidak bersetuju untuk terikat dengan keseluruhan Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya,

Maka KUIS boleh pada bila-bila masa selepas itu berhak membatalkan Perjanjian ini tanpa sebarang liabiliti dan tanpa memberi gantirugi atau pampasan kepada Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin atau mana-mana pihak ketiga dan Pelajar tidak lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa kos di bawah Perjanjian ini.

DENGAN SYARAT bahawa penamatan tersebut tidaklah melepaskan Pelajar dan Penjamin-penjaminnya daripada kewajipan mereka untuk membayar semula kepada KUIS berhubung perlanggaran tersebut seperti yang dinyatakan di dalam **Klausa 7** Perjanjian ini.

5. TEMPOH IKATAN WAJIB

Pelajar adalah terikat dengan tempoh ikatan dengan KUIS sebagai balasan kepada Tajaan yang telah diberikan oleh pihak KUIS iaitu wajib menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di KUIS (selepas ini dirujuk sebagai "Pengajian") dan wajib menyempurnakan Pengajian tersebut (selepas ini dirujuk sebagai "Tempoh Ikatan Wajib").

6. PENAMATAN PERJANJIAN

6.1 Penamatan awal terhadap Perjanjian boleh dilakukan oleh Pelajar dengan memberi notis permohonan penamatan bagi keadaan berikut:

(a) Dalam tempoh Program dengan memberi notis permohonan penamatan Tajaan kepada KUIS dengan SYARAT Pelajar hendaklah menyelesaikan segala kos yang telah dibelanjakan oleh pihak KUIS di dalam tempoh Program.

ATAU

(b) Dalam Tempoh Ikatan Wajib dengan memberi notis permohonan penamatan kepada KUIS dengan SYARAT Pelajar adalah tertakluk kepada bayaran terhadap segala kos yang telah dibelanjakan di bawah Perjanjian ini dan kos gantirugi sepertimana yang dinyatakan di **Klausa 7** Perjanjian ini.

6.2 KUIS berhak dengan budibicara mutlaknya untuk membuat keputusan terhadap permohonan penamatan oleh Pelajar bagi keadaan yang dinyatakan di Klausa 6.1 di atas.

6.3 KUIS berhak menamatkan Perjanjian ini dalam apa jua keadaan dengan memberi notis kepada Pelajar dan berhak menuntut apa-apa kos yang berkaitan dan wajar dituntut berdasarkan keadaan penamatan tanpa liabiliti dan tidak bertanggungjawab memberi gantirugi atau pampasan kepada Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin atau mana-mana pihak ketiga dan Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin tidak lagi mempunyai apa-apa hak tuntutan ke atas KUIS bagi apa-apa kos di bawah Perjanjian ini.

6.4 Sekiranya PELAJAR melanggar atau tidak mematuhi atau gagal melaksanakan mana-mana syarat atau tanggungjawab di bawah **Klausa 1** di atas atau mana-mana terma dan syarat di bawah **mana-mana Klausa** di dalam Perjanjian ini, KUIS berhak menurut budibicara mutlaknya untuk membuat keputusan seperti berikut;

(a) mengantung atau menahan Tajaan sehingga syarat atau terma yang tidak dipatuhi tersebut telah direktifikasikan oleh Pelajar dalam tempoh Program;

ATAU

(b) menamatkan Perjanjian ini dengan serta merta sama ada dalam tempoh Program atau Tempoh Ikatan Wajib dan menuntut bayaran daripada Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin (atas kegagalan pembayaran oleh Pelajar) segala kos yang telah dibelanjakan oleh pihak KUIS di bawah Perjanjian ini termasuk yang dinyatakan di dalam **JADUAL TIGA** Perjanjian ini dan bayaran gantirugi sepertimana yang dinyatakan di bawah **Klausa 7** Perjanjian ini.

7. KESAN PENAMATAN

7.1 Kesan daripada penamatan Perjanjian berdasarkan **Klausa 6.1(b) , Klausa 6.3 atau Klausa 6.4** di atas, KUIS berhak menuntut daripada Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin segala kos terlibat di bawah Perjanjian ini seperti berikut;

(a) Segala kos yang telah dibelanjakan oleh KUIS bagi tujuan Perjanjian ini termasuk kos Tajaan sebagaimana dinyatakan di dalam **Perkara 3 JADUAL SATU dan/atau JADUAL TIGA** Perjanjian ini;

DAN

(b) Kos gantirugi berjumlah **RINGGIT MALAYSIA LAPAN RIBU (RM 8,000.00)** sahaja .Kos gantirugi yang ditetapkan adalah atas kerugian yang dialami oleh KUIS bagi tempoh satu tahun pertama yang bersamaan dengan dua semester tempoh pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi seorang pelajar.

Kedua-dua kos yang dinyatakan di atas adalah selepas ini dirujuk sebagai "Kos Tuntutan".

7.2 Dan pada itu Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin hendaklah bersesama dan masing-masing bertanggungjawab membayar balik segala Kos Tuntutan yang akan dituntut oleh KUIS di bawah Perjanjian ini.

7.3 Walauapapun yang dinyatakan di atas, pihak KUIS mempunyai budibicara mutlak dalam menentukan kos sebenar bagi Kos Tuntutan berdasarkan justifikasi dan keadaan penamatan yang berlaku dan kos-kos sebenar yang telah dibelanjakan di bawah Perjanjian ini .

8. PEMAKAIAN DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Sekiranya PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN gagal membayar Kos Tuntutan berdasarkan **Klausa 7** di atas dalam tempoh yang ditentukan KUIS, pihak KUIS berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin tanpa rujukan lanjut kepada Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin kesan daripada pelanggaran terma dan syarat Perjanjian ini oleh Pelajar. Kos berkaitan yang terakru termasuk kos guaman adalah di bawah tanggungan PELAJAR dan/atau Penjamin-penjamin.

9. PEMBACAAN DOKUMEN-DOKUMEN LAIN

9.1 Pihak Perjanjian bersetuju bahawa Surat Tawaran Pengajian (atau seumpama dengannya), Surat Kelulusan Tajaan dan mana-mana dokumen berkaitan Tajaan dan Jadual-Jadual yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini.

10. GANTIRUGI

Pelajar berakujanji akan menanggungrugi dan memberi pampasan, melindungi dan mempertahankan KUIS dan wakil-wakilnya daripada dikenakan atau terdedah kepada apa-apa denda, penalti, kerugian, tindakan, tuntutan dan/atau tanggungan yang timbul daripada perbuatan atau kesalahan Pelajar ketika menjalani Program atau di dalam tempoh kuatkuasa Perjanjian ini.

11. REPRESENTASI DAN WARANTI

11.1 Pihak Perjanjian dengan ini memberi waranti dan mengakui bahawa Perjanjian ini sah dari segi undang-undang dan menjadi obligasi yang mengikat setiap pihak berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini.

11.2 Pelajar dan / atau Penjamin-Penjamin memberi jaminan bahawa pelaksanaan semua terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab Pelajar dan serta tidak melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, dekri, perintah, kebenaran atau apa-apa kontrak atau mana-mana larangan yang tertakluk ke atas Pelajar atau mana-mana harta atau asetnya yang akan mengganggu-gugat kemampuan Pelajar untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

12. NOTIS-NOTIS

12.1 Pelajar dan/atau Penjamin-penjamin hendaklah memberikan kepada KUIS alamat mereka yang terkini (selepas ini disebut **"Alamat Terakhir Yang Diketahui"**) untuk tujuan penyampaian apa-apa dokumen atau notis yang berkaitan dengan Perjanjian ini. Penyampaian apa-apa dokumen atau notis di bawah Perjanjian ini dianggap efektif sekiranya ia disampaikan ke Alamat Terakhir Yang Diketahui.

12.2 Apa-apa notis atau maklumat yang diperlukan atau diberikan kuasa oleh Perjanjian ini untuk diberikan di antara Pihak Perjanjian kepada masing-masing hendaklah dimajukan juga kepada pengetahuan Penjamin-penjamin.

12.3 Apa-apa notis atau maklumat yang diperlukan atau diberikan kuasa oleh Perjanjian ini untuk diberi kepada mana-mana pihak di sini kepada pihak yang lain ke Alamat Terakhir Yang Diketahui hendaklah diberikan dengan cara:

a. serahan tangan; atau
b. serahan pos berdaftar ; atau
c. serahan menggunakan transmisi faksimili; atau
d. lain-lain komunikasi yang dipersetujui bersama;

12.4 Apa-apa notis atau maklumat lain yang dihantar melalui pos yang tidak dipulangkan kembali kepada pengirimnya dengan tanda "tidak sampai" hendaklah dianggap sampai ke tangan penerima pada hari keempat belas (14) selepas tarikh mengepos ke Alamat Terakhir Yang Diketahui dan dianggap sebagai bukti yang kukuh bahawa notis tersebut atau maklumat lain itu telah selamat diterima.

12.5 Jika apa-apa notis atau maklumat lain dihantar melalui transmisi faksimili atau apa-apa yang menyamainya maka ia hendaklah dianggap telah selamat dihantar pada tarikh transmisi tersebut, dengan syarat sesalinan notis atau maklumat susulan tersebut telah dihantar kepada penerima tersebut ke Alamat Terakhir Yang Diketahui dalam masa Tujuh (7) hari selepas transmisi.

13. <u>LAIN-LAIN</u>

13.1 Tempoh Masa

Masa yang dinyatakan di mana-mana di dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai intipati kepada Perjanjian ini.

13.2 Keseluruhan Perjanjian

Perjanjian ini termasuklah apa-apa jadual atau lampirannya yang berkaitan dengan apa-apa perkara di dalam Perjanjian ini membentuk keseluruhan perjanjian di antara Pihak Perjanjian. Perjanjian ini mengatasi semua perjanjian dan aturan yang telah dibuat sebelum daripada ini (sama ada secara bertulis atau lisan) di antara Pihak Perjanjian. Tiada sebarang perjanjian, terma, syarat atau obligasi yang akan digunapakai (sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada yang telah dinyatakan secara tersurat atau tersirat) KECUALI apa-apa yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam Perjanjian ini dan sebarang pengubahsuaian atau pemindaan yang dilakukan secara bertulis oleh KUIS atau Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin (dengan kebenaran dan persetujuan KUIS). Jika terdapat konflik di antara Perjanjian ini dengan mana-mana jadual atau lampiran, terma-terma di dalam Perjanjian ini akan mengatasi dan diutamakan.

13.3 Pengasingan

Jika terdapat mana-mana klausa di dalam Perjanjian ini didapati tidak sah dari segi undang-undang atau terbatal atau tidak boleh dikuatkuasakan, mana-mana salah satu daripada keadaan tersebut tidak akan memberi kesan kepada mana-mana klausa lain di dalam Perjanjian ini.

13.4 Pindaan

KUIS berhak meminda atau mengubahsuai apa-apa terma atau syarat di dalam Perjanjian ini tanpa memerlukan persetujuan daripada Pelajar dan/atau Penjamin-penjamin. KUIS juga tidak mempunyai obligasi di bawah Perjanjian ini untuk memaklumkan sebarang pindaan dari semasa ke semasa terhadap Perjanjian ini kepada Pelajar dan/atau Penjamin-penjaminnya.

13.5 Penyerahan Hak

Pelajar dan/atau Penjamin-penjaminnya. tidak boleh menyerah hak, memindah milik atau memusnahkan mana-mana hak dan obligasinya di dalam Perjanjian ini tanpa mendapat izin secara bertulis daripada KUIS terlebih dahulu. KUIS walaubagaimanapun boleh menyerah hak, mengganti atau memindah milik semua atau sebahagian hak dan obligasinya di dalam Perjanjian ini kepada mana-mana ejen atau wakilnya yang diberi kuasa walaupun tanpa mendapat keizinan daripada Pelajar dan/atau Penjamin-penjaminnya. KUIS juga tidak mempunyai obligasi di bawah Perjanjian ini untuk memaklumkan apa-apa yang berkenaan hal ini kepada Pelajar dan/atau Penjamin-penjaminnya.

13.6 Kos Duti Setem

Kos duti setem Perjanjian ini adalah di bawah tanggungan Pelajar dan/atau Penjamin-Penjamin.

13.7 Perjanjian Mengikat

Perjanjian ini adalah mengikat Pihak Perjanjian, penerima serahan hak dan penama-penama yang diberikuasa oleh KUIS dan mengikat Pelajar dan /atau Penjamin-penjamin termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) pewaris, pemegang amanah, pelaksana dan pentadbir harta masing-masing.

13.8 Tiada Perkongsian

Perjanjian ini hendaklah tidak ditafsirkan sebagai membentuk apa-apa perkongsian atau tiada pihak pun yang mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa transaksi dengan tujuan untuk mengikat pihak yang lain.

13.9 Pengetahuan

Pengetahuan atau akuisens oleh mana-mana pihak di sini mengenai apa-apa kemungkiran terhadap mana-mana syarat atau terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini tidak akan dianggap sebagai pelepasan terhadap semua syarat dan/atau terma tersebut atau sebahagian daripadanya. Pengetahuan atau akuisens tersebut tidak akan menghalang kedua-dua pihak di sini untuk menuntut hak masing-masing di dalam Perjanjian ini dan/atau untuk menuntut supaya pihak yang satu lagi mematuhi dan melaksanakan syarat-syarat dan terma–terma yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

13.10 Pemakaian Undang-undang

Perjanjian ini hendaklah ditadbir atau ditafsir di dalam segenap aspek mengikut undang-undang Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian atau tuntutan yang timbul di bawah Perjanjian ini tidak berjaya diselesaikan melalui perbincangan di antara kedua-dua pihak dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari atau dalam tempoh lain yang disepakati bersama dari tarikh pertikaian tersebut berlaku atau mana-mana yang relevan, maka Pihak-pihak di sini bersetuju untuk menyelesaikannya mengikut bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah di Malaysia.

PERAKUAN DAN AKUJANJI PELAJAR

Dengan ini saya mengaku bahawa saya sudah membaca dan memahami semua isi kandungan Perjanjian ini dan sesungguhnya berwa'ad dan berakujanji bahawa saya akan mematuhi segala terma dan syarat Perjanjian ini serta peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh pihak KUIS dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kursus Program saya dan/atau pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di KUIS.

Saya juga memahami bahawa sekiranya saya melanggar atau tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini, pihak KUIS berhak menamatkan Perjanjian ini dan saya perlu membayar balik jumlah Tajaan yang pernah saya terima dan mana-mana kos berkaitan sebagaimana yang dinyatakan di bawah perjanjian ini yang dituntut dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak KUIS dan akur serta maklum bahawa tindakan undang-undang boleh diambil terhadap saya dan/atau Penjamin-Penjamin saya sekiranya saya gagal membuat pembayaran.

Saya dengan ini menurunkan tandatangan saya sepertimana di bawah bagi menyaksikan segala terma dan syarat Perjanjian ini dan akur dengan tanggungjawab dan obligasi yang bertanggungan ke atas saya dan juga Penjamin-Penjamin saya di bawah Perjanjian ini.

****

Ruangan yang seterusnya dibiarkan kosong dengan sengaja.

JADUAL SATU
(Perlu dibaca bersama dan sebahagian daripada Perjanjian ini)

	RINGKASAN PINJAMAN		
BIL	**PERKARA**		**BUTIR-BUTIR**
1.	Tarikh Perjanjian		
2.	Nama PELAJAR		.....
	NO.K.P. PELAJAR (sertakan salinan K/P)		.....
	Alamat PELAJAR	Alamat tetap	....
		Alamat surat-menyurat	....
	No Telefon Pelajar		
	No Telefon Ibu/Bapa		
3.	Jumlah Tajaan Keseluruhan		**RINGGIT MALAYSIA LAPAN RIBU DAN TUJUH PULUH SEMBILAN SAHAJA (RM 8,079.00) sahaja** **(Perincian bagi jumlah sepertimana di JADUAL TIGA)**
4.	Tempoh Tajaan		Dari **SESI II 2017/2018** hingga **SESI I 2018/2019**
5.	No. Akaun Bank BIMB		BIMB .....
6. (a)	Nama Penjamin 1 No. Kad Pengenalan (sertakan salinan K/P) Alamat		....

	No. Telefon	.....
(b)	Nama Penjamin 2 No. Kad Pengenalan (sertakan salinan K/P) Alamat No. Telefon	....
(c)	Nama Penjamin Tambahan (jika berkaitan) No. Kad Pengenalan (sertakan salinan K/P) Alamat No. Telefon	....

JADUAL DUA
JADUAL INSENTIF PEMBIAYAAN TAJAAN
(Perlu dibaca bersama dan sebahagian daripada Perjanjian ini)

Semester yang dibiaya	Keputusan Semester yang diambilkira	Pencapaian Purata Nilai Gred (PNG) di Semester 1 dan Semester 2	Yuran Program dan Peperiksaan	Yuran Asrama	Bayaran Elaun Sara Diri
1	Tiada	Tiada	Dibiaya	Dibiaya	Tidak Dibiaya
2 dan 3	1 dan 2	3.75 – 4.00	Dibiaya	Dibiaya	Dibiaya
		3.50 – 3.74	Dibiaya	Dibiaya	Tidak Dibiaya
		3.00 - 3.49	Dibiaya	Tidak Dibiaya	Tidak Dibiaya
		2.99 dan ke bawah	Tidak Dibiaya	Tidak Dibiaya	Tidak Dibiaya

Nota: Garis panduan pencapaian PNG adalah untuk melayakkan insentif pembiayaan di semester 2 dan semester 3 pelajar Asasi.

JADUAL TIGA
PERINCIAN KOS TAJAAN (bagi Perkara 3 JADUAL SATU)
(Perlu dibaca bersama dan sebahagian daripada Perjanjian ini)

Perkara	Bayaran per semester (RM)	Jumlah semester	Jumlah Penuh (RM)	Kaedah Pembayaran
Yuran Program dan Peperiksaan	1,666.67	3	5,000.00	Pengecualian Yuran Program dan Peperiksaan dibuat pada setiap semester Program bergantung kepada keputusan peperiksaan akhir, tertakluk kepada PNG minima 3.00.
Elaun Sara Hidup	500.00	2	1,000.00	Akan dibayar pada semester ke 2 dan seterusnya tertakluk kepada PNG minima 3.75.
Yuran Asrama (18minggu=1sem)	693.00	3	2,079.00	Maksimum subsidi yuran asrama yang diberikan adalah RM5.50/hari (mengikut kekosongan kategori asrama) dan bergantung kepada keputusan peperiksaan akhir (PNG) setiap semester dengan keputusan minima PNG 3.50.
	Jumlah Penuh		**8,079.00**	

LAMPIRAN SALINAN DOKUMEN

1. KAD PENGENALAN PELAJAR
2. KAD PENGENALAN PENJAMIN 1
3. KAD PENGENALAN PENJAMIN 2
4. KAD PENGENALAN PENJAMIN TAMBAHAN (jika berkaitan)
5. SLIP GAJI/ PENGESAHAN PENDAPATAN PENJAMIN 1
6. SLIP GAJI/ PENGESAHAN PENDAPATAN PENJAMIN 2
7. SLIP GAJI/ PENGESAHAN PENDAPATAN PENJAMIN TAMBAHAN (jika berkaitan)
8. SURAT KELULUSAN/TAWARAN TAJAAN KHAS KUIS
9. SURAT TAWARAN ASASI KUIS
10. SALINAN BUKU AKAUN BANK ISLAM (M) BERHAD PELAJAR (muka surat yang tercatat nombor akaun)

Nota : Perlu dilampirkan bersama-sama di dalam Perjanjian ini.

Pada menyaksikan HAL DI ATAS, pihak-pihak yang tersebut di dalam Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan pada tarikh yang dinyatakan di atas.

Ditandatangani oleh **PELAJAR**

.....
(Nama PELAJAR)

.....
(NO.K.P. PELAJAR)

.....
(Tandatangan PELAJAR)

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:.....)

No. K/P:.....)
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)

.....
(Tandatangan Saksi)

PENJAMIN-PENJAMIN

Ditandatangani oleh **PENJAMIN 1**

.....
(Nama PENJAMIN 1)

.....
(NO.K.P. PENJAMIN 1)

.....
(Tandatangan PENJAMIN 1)

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:.....)

No. K/P:.....)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)

.....
(Tandatangan Saksi)

Ditandatangani oleh **PENJAMIN 2**

.....
(Nama PENJAMIN 2)

.....
(NO.K.P. PENJAMIN 2)

.....
(Tandatangan PENJAMIN 2)

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:.....)

No. K/P:.....)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)

.....
(Tandatangan Saksi)

Ditandatangani oleh **PENJAMIN TAMBAHAN (jika berkaitan)**

.....
(Nama PENJAMIN TAMBAHAN)

.....
(NO.K.P. PENJAMIN TAMBAHAN)

.....
(Tandatangan PENJAMIN TAMBAHAN)

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:.....)

No. K/P:.....)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)

.....
(Tandatangan Saksi)

PIHAK KUIS

Ditandatangani oleh **Rektor**)

Professor Dato' Dr. Ab Halim Bin Tamuri)

bagi pihak **KUIS**)

.....
(*Tandatangan **REKTOR**)*

Disaksikan oleh:

Nama Saksi.....)

No. K/P:.....)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)

.....
(Tandatangan Saksi)

(Dekan Pusat Asasi)